

14 MAY 1999  
Mahathir-Pilihan raya  
PILIHAN RAYA SEBELUM APRIL?

KOTA KINABALU, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan bahawa pilihan raya umum mungkin diadakan sebelum April tahun depan.

Beliau tidak mengulas lanjut.

Semalam di Shah Alam, Dr Mahathir menolak spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan bulan depan.

"Ia akan diadakan sebelum April tahun 2000, pada suatu masa sebelum itu," kata beliau sebagai menjawab pertanyaan pada persidangan berita di sini pada akhir lawatan dua hari ke Sabah.

Dr Mahathir berkata pemulihan ekonomi negara merupakan satu daripada faktor yang diberi pertimbangan dalam menentukan tarikh bagi pilihan raya umum.

"Memanglah ia satu faktor yang diberi pertimbangan tetapi faktor lain juga perlu diambil kira. Jadi, saya masih belum dapat beritahu lagi. Saya akan bisikkan pada anda lain kali," katanya.

Pilihan raya umum akan datang seharusnya diadakan menjelang Jun 2000.

Apabila ditanya sama ada beliau sudah bersedia untuk mengadakan pilihan raya, Dr Mahathir berkata: "Saya sentiasa bersedia untuk mengadakan pilihan raya."

Ditanya lagi mengenai siri lawatannya ke seluruh negara yang dikatakan menyemarakkan lagi spekulasi bahawa pilihan raya sudah semakin dekat, Dr Mahathir berkata: "Media pandai membuat ramalan."

"Orang surat khabar pandai... mereka tolak mana-mana hari yang dirasa kita tidak dapat adakan pilihan raya. Mereka kaji keadaan cuaca, lalu mereka buat ramalan yang tepat."

Dr Mahathir juga mengesahkan bahawa beliau akan menemui Presiden Indonesia B.J.Habibie pada 20 Mei di Pulau Batam untuk membincangkan isu dua hala.

Mengenai pertemuan Presiden Bank Dunia James Wolfensohn dengan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail di lapangan terbang antarabangsa KL semalam, Dr Mahathir berkata: "Saya harap beliau dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi Bank Dunia dan membantu Encik Wolfensohn. Saya yakin beliau boleh memberi nasihat yang baik."

Wan Azizah, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dilaporkan menemui Wolfensohn yang tiba di KLIA pukul 6 petang semalam dalam perjalanan ke Langkawi untuk menghadiri mesyuarat menteri kewangan APEC yang bermula hari ini.

-- BERNAMA  
HAK RYN NMO